Re Wang Lim Seng @ Wong Kim Seng; ex parte Hong Leong Finance Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — KEBANKRAPAN NO D1–29–6316 TAHUN 2000
SITI MARIAH AHMAD H
12 MARCH 2007

Acara Sivil — Pliding dan perintah — Penghakiman ingkar — Notis kebankrapan — Pengenepian notis kebankrapan — Sama ada mahkamah berhak mempertimbangkan kesahihan penghakiman ingkar yang dijadikan asas prosiding kebankrapan — Sama ada penghutang penghakiman membuat pinjaman daripada pemiutang penghakiman — Sama ada alamat di dalam kad pengenalan penghutang penghakiman adalah alamat yang sah

Pada 17 Ogos 1998 satu penghakiman ingkar telah dimasukkan terhadap penghutang penghakiman ('JD') (Mahkamah Sesyen Shah Alam Saman No 52–2359–98) untuk RM47,953.72 bagi wang yang dipinjam daripada pemiutang penghakiman, Hong Leong Finance Bhd ('JC') menurut satu perjanjian sewa beli kereta. Pada 21 Oktober 1999, JD telah menerima surat daripada Maybank Bhd mengatakan bahawa akaunnya telah dibekukan disebabkan satu notis kebankrapan ('BN') telah difailkan terhadapnya oleh JC. JD membuat pertanyaan kepada JC dan mendapat tahu bahawa kad pengenalan serta lesen memandunya telah digunakan secara palsu oleh pihak ketiga tanpa pengetahuannya untuk mendapatkan pinjaman kereta. Seterusnya, JD telah membuat satu laporan polis berkenaan ini. JD telah menulis kepada JC bahawa JD tidak pernah mendapat pinjaman daripada JC mahupun menandatangani apa-apa dokumen sewa beli. Tandatangan pada dokumen juga berbeza daripada tandatangan JD. JC seterusnya menarik balik BN. Walau bagaimanapun, tanpa pengetahuan JD, satu lagi BN berdasarkan penghakiman ingkar yang sama difailkan di dalam mahkamah dan pada 18 Disember 2002, satu perintah penghukum dan penerimaan telah dibuat terhadap JD. Segala surat cara telah disampaikan melalui penyampaian ganti ke atas alamat yang tidak sah. JC mengatakan bahawa JD berhutang dengan JC setakat jumlah yang dituntut di dalam BN dan dakwaan lain JD hanyalah dakwaan kosong. Selain itu, tiada inisiatif oleh JD untuk mengenepikan BN sehingga 2005. Isu-isu kes adalah: (i) sama ada mahkamah berhak mempertimbangkan kesahihan penghakiman ingkar yang dijadikan asas prosiding kebankrapan; (ii) sama ada JD membuat pinjaman daripada JC; dan (iii) sama ada alamat di dalam kad pengenalan JD adalah alamat yang sah.

Diputuskan, membenarkan rayuan JD dengan kos:

(1) Mahkamah hanya berhak mempersoalkan penghakiman ingkar di dalam tindakan kebankrapan jika wujud bukti 'fraud', 'collusion' atau 'miscarriage of

justice'. Menurut prinsip-prinsip dalam kes-kes dan memandangkan JD telah membangkitkan isu fraud, Mahkamah berpendapat bahawa ia berhak mempersoalkan penghakiman ingkar tersebut yang menjadi asas kepada prosiding kebankrapan ini (lihat perenggan 11 & 13).

(2) Di dalam menimbangkan sesuatu isu berkenaan kesahihan tandatangan, 'expert evidence' diperlukan. Walau bagaimanapun, ia terpulang kepada Mahkamah untuk memutuskan isu tersebut dengan bantuan pakar dan bukan pakar tersebut yang menentukan isu. JD telah menyokong pengataannya tentang isu fraud tersebut di mana laporan polis dibuat bersama spesimen tandatangan serta telah memaklumkan kepada JC berkenaan isu tersebut. JD telah menulis surat kepada JC mengatakan bahawa JD tidak pernah berurusan dengan JC bagi mendapatkan pinjaman mahupun menandatangani apa-apa dokumen sewa beli dari JC. Malah, JD juga telah bertindak dengan menarik balik BN bertarikh 1 April 1999 (lihat perenggan 15–16).

(3) Tugas JC adalah untuk menyiasat apa-apa aduan terhadap mana-mana 'fraud'. Mahkamah boleh membuat satu inferens bahawa JC telah membuat satu siasatan berkenaan fraud tersebut kerana JC telahpun menarik balik BN. JC juga tidak menjelaskan kenapa BN itu ditarik balik. Mahkamah berpendapat wujudnya satu fraud serta ada pihak ketiga yang telah menandatangani perjanjian tersebut dengan JC (lihat perenggan 17).

(4) Memandangkan terdapat alamat yang bercanggah pada kad pengenalan dan lesen memandu yang telah dikeluarkan pada hari yang sama, mahkamah berpendapat wujudnya fraud. Alamat penyampaian ganti adalah tidak sah dan segala surat cara dianggap tidak diserahkan (lihat perenggan 19).

[English summary

On 17 August 1998 a judgment in default was entered against the judgment debtor ('JD') Shah Alam Sessions Court No 52–2359–98) for the sum of RM47,953.72 for the loan monies from the judgment creditor, Hong Leong Bhd ('JC') by virtue of a hire purchase car agreement. On 21 October 1999, the JD received a letter from Maybank Bhd which stated that his account were frozen due to a bankruptcy notice ('BN') filed against him by the JC. The JD made an query to the JC and was informed that his identity card and driving license had been fraudulently used by a third party without his knowledge in obtaining the car loan. Subsequently, the JD lodged a police report regarding this matter. The JD wrote to the JC that the JD had never obtained any loan from the JC or even had signed any hire purchase documents. The signature on the document was also different from the JD's signature. The JC therefore retracted the BN. However, without the JD's knowledge, another BN based on the same judgment in default was filed in court and on 18 December 2002, an adjudication and receiving order was executed against the JD. All letters was served by substituted service to an invalid address. The JC stated that the JD owed the JC to extent the sum claimed in the BN and that the JD's other allegation was mere bare allegations. Furthermore, there was no initiative on the JD's part to set aside the BN until 2005. The issues in this cases were: (i) whether the court had a right to consider the validity of the judgment in default which was

fundamental in a bankruptcy proceeding; (ii) whether the JD had made a loan from the JC; and (iii) whether the address in the JD's identity card was a valid address.

Held, allowing the JD's appeal with costs:

(1) The court had only the right to question the judgment in default in a bankruptcy proceeding if there exist proof of 'fraud', 'collusion' atau 'miscarriage of justice'. According to the principles in cases and taking into account that the JD had raised the issue of fraud, the court was of the view that it had a right to question the judgment in default which was the basis in this bankruptcy proceeding (see paras 11 & 13).

(2) In considering an issue relating to the validity of a signature, expert evidence is required. However, it is for the court to decide on the issue with the assistance of the expert and not the expert who decides on the issue. The JD had supported his allegations on the issue of fraud whereby the police report was lodged together with the signature specimen and had informed the JC of the said issue. The JD had wrote a letter to the JC stating that the JD had never dealt with the JC to obtain a loan nor signed any hire purchase agreement from the JC. Apart from that, the JD also had taken action by retracting the BN dated 1 April 1999 (see paras 15–16).

(3) The JC's duty was to investigate any complaints of fraud. The court can make an inference that the JC had made an inquiry of the fraud as the JC had retracted the BN. The JC also did not explain why the BN was retracted. The court was of the view there was fraud and that a third party had signed the said agreement with the JC (see para 17).

(4) As there was discrepancies on the address on the identity card and driving license which was issued on the same day, the court was of the view there was fraud. The address for the substituted service was invalid and all the letters was assumed not delivered (see para 19).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai penghakiman ingkar, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 4150–4157.

Kes-kes yang dirujuk

Flatau, Re [1998] 22 QBD 83 (dirujuk)
Fraser, Re [1892] 2 QBS633 (dirujuk)
Malayan Banking Bhd v Datuk Lim Kheng Khim [1992] 2 MLJ 540 (dirujuk)
Ng Mei Kheng v JB Securities Sdn Bhd [1998] 1 LNS 429 (dirujuk)
United Asian Bank Bhd v Tai Soon Heng Construction Sdn Bhd [1993] 1 MLJ 182 (dirujuk)

YH Law (Esther Ong Tengku Saifiil & Sree) bagi pihak plaintif/perayu.
KJ Lai (Sidek Teoh Wong & Dennis) bagi pihak defendan/responden.

Siti Mariah Ahmad H:

PENGENALAN

[1] Lampiran (37) bertarikh 4 Mac 2006 adalah rayuan kepada hakim dalam kamar oleh penghutang penghakiman ('JD') terhadap keputusan penolong kanan pendaftar yang diberikan pada 10 Mac 2006 yang memerintahkan bahawa permohonan JD untuk membatalkan dan mengenepikan perintah penerimaan dan perintah penghukuman ditolak (lampiran 29).

[2] Di dalam lampiran (29), JD telah memohon agar perintah penerimaan dan perintah penghukuman bertarikh 18 Disember 2002 dibatalkan dan diketepikan. afidavit yang berkaitan dengan permohonan ini adalah lampiran (28), (27) dan (31).

FAKTA KES

Kes JD

[3] Pada 17 Ogos 1998 satu penghakiman ingkar telah dimasukkan terhadap JD dalam kes Mahkamah Sesyen Shah Alam Saman No 52–2359–98 untuk sejumlah RM47,953.72 bagi wang yang dipinjam daripada pemiutang penghakiman iaitu Hong Leong Finance Berhad ('JC') menurut satu perjanjian sewabeli kereta.

[4] Pada 21 Oktober 1999 JD telah menerima surat daripada Maybank Berhad mengatakan bahawa akaunnya telah dibekukan j disebabkan satu notis kebankrapan ('BN') telah difailkan terhadap JD seperti yang diiklankan dalam akhbar *Malay Mail* bertarikh 29 September 1999 oleh JC.

[5] Setelah JD membuat pertanyaan kepada JC pada 21 Oktober 1999, JD mendapat tahu bahawa kad pengenalan serta lesen memandunya telah digunakan secara palsu oleh pihak ketiga tanpa pengetahuannya untuk mendapatkan pinjaman kereta berjumlah RM45,000 bagi membeli sebuah kereta Proton Wira 1.6XN warna hijau bernombor pendaftaran WFY 9102. Satu laporan polis telah dibuat oleh JD berkenaan perkara ini.

[6] Pada 27 Oktober 1999 peguamcara JD telah menulis surat kepada JC menafikan JD pernah berurusan dengan JC bagi mendapatkan pinjaman kereta seperti menandatangani apa-apa dokumen sewabeli tersebut juga dikatakan amat berbeza dengan tandatangan JD.

[7] Peguamcara JD telah menarikbalik BN bertarikh 1 April 1999. Walau bagaimanapun, tanpa pengetahuan JD, satu lagi BN berdasarkan penghakiman ingkar yang sama telah difailkan di mahkamah dan pada 18 Disember 2002, satu perintah penghukum dan penerimaan telah dibuat terhadap JD. Segala suratcara telah melalui penyampaian disampaikan telah disampaikan terhadap

JD ganti ke atas alamat yang tidak sah.

Kes JC

[8] JC mengatakan bahawa JD telah memasuki perjanjian sewabeli dengan JC dan kini adalah berhutang dengan JC setakat jumlah yang dituntut di dalam BN. Penghakiman ingkar bertarikh 17 Ogos 1998 serta perintah penerimaan dan penghukuman bertarikh 18 Disember 2002 adalah teratur. BN dan petisyen pemiutang telah dihantar kepada JD secara penyampaian ganti di alamat terakhir JC yang diketahui seperti yang tercatat di dalam perjanjian jualbeli, kad pengenalan serta lesen memandu JD iaitu No.2, Jalan 12, Kepong Baru, 52100 Kuala Lumpur.

[9] Dakwaan JD bahawa tandatangan JD adalah berbeza, hanyalah dakwaan kosong semata-mata kerana JD gagal melampirkan sebarang bukti keterangan bagi menyokong dakwaan tersebut.

[10] Sesalinan BN juga telah diserahkan kepada JD di atas permintaan peguamcara JD melalui pos berdaftar 9 Januari 2002. Walau bagaimanapun tiada apa-apa inisiatif oleh JD untuk mengenepikan BN tersebut sehinggalah 4 Februari 2005 iaitu setelah i dua tahun BN diserahkan sekali lagi kepada JD.

ISU-ISU BERBANGKIT DAN PENDAPAT MAHKAMAH

Sama ada mahkamah berhak mempertimbangkan kesahihan penghakiman ingkar yang dijadikan asas prosiding kebankrapan

[11] Mahkamah hanyalah berhak untuk mempersoalkan penghakiman ingkar di dalam tindakan kebankrapan jika wujud bukti-bukti 'fraud', 'collusion' atau 'miscarriage of justice' seperti yang dinyatakan di dalam kes *Re Flatau* [1998] 22 QBD 83 yang dirujuk di dalam kes *Malayan Banking Bhd v Datuk Lim Kheng Khim* [1992] 2 MLJ 540 di mana telah diputuskan, 'the court of bankruptcy will not as a matter of course, inquire into the validity of a judgment debt, but only when there is evidence that the judgment has been obtained by fraud or collusion, or that there has been some miscarriage of justice'.

[12] Di dalam kes *Re Fraser* [1892] 2 QBS633 yang dirujuk di dalam kes *Malayan Banking Bhd* telah juga diputuskan 'Upon the hearing of a creditor's petition for a receiving order against a judgment debtor, the Court of Bankruptcy has power, at the instance of the debtor himself, to go behind the judgment and to inquire into the validity of the debt, even though the debtor has previously applied in the action to set aside the judgment, and his application has been refused, and the refusal affirmed by the Court of Appeal'.

[13] Menurut prinsip-prinsip yang diputuskan oleh kes-kes di atas, dan memandangkan JD telah membangkitkan isu fraud, mahkamah berpendapat bahawa mahkamah berhak mempersoalkan penghakiman ingkar tersebut yang menjadi asas kepada prosiding kebankrapan ini.

Sama ada JD telah membuat pinjaman tersebut daripada JC

[14] Menurut JC, JD tidak pernah mengemukakan sebarang bukti terhadap penafian JD ke atas hutang tersebut iaitu kad pengenalan dan lesen memandu JD yang telah digunakan oleh pihak ketiga secara tidak sah serta tandatangan palsu yang digunakan. Di dalam kes *Ng Mei Kheng v JB Securities Sdn Bhd* [1998] 1 LNS 429 di mana Abdul Malik Ishak H telah merujuk kepada kes *United Asian Bank Bhd v Tai Soon Heng Construction Sdn Bhd* [1993] 1 MLJ 182 (SC) telah mengatakan 'the issue whether a signature has been forged is a question of fact. It is eminently a i matter for the trial court to determine after considering the credibility of the witnesses it has seen and heard and taking into account any expert evidence on the point. Of course a trial judge is not entitled to abdicate his function by allowing the expert to determine the question. In his case, we are satisfied that the earned judge has not fallen into an error of this nature'.

[15] Keputusan kes ini menunjukkan bahawa di dalam menimbangkan sesuatu isu berkenaan kesahihan tandatangan, 'expert evidence' adalah diperlukan. Walau bagaimanapun, ianya terpulang kepada mahkamah untuk memutuskan isu tersebut dengan bantuan pakar dan bukan pakar tersebut yang menentukan isu tersebut.

[16] Mahkamah berpendapat JD telah menyokong pengataannya tentang isu fraud tersebut di mana laporan polis telah dibuat bersama spesimen tandatangan (sehingga kini tiada maklumbalas) serta telah memaklumkan kepada JC berkenaan isu tersebut. JD telah menulis surat kepada peguamcara JC pada 27 Oktober 1999 menafikan pernah berurusan dengan JC bagi mendapatkan pinjaman kereta seperti didakwa mahupun menandatangani apa-apa dokumen sewabeli dari JC. Malah, JD telah bertindak dengan menarikbalik BN bertarikh 1 April 1999.

[17] Adalah menjadi tugas JC untuk menyiasat apa-apa aduan terhadap mana-mana fraud. Mahkamah boleh membuat satu inferens bahawa JC telah membuat satu siasatan berkenaan fraud tersebut kerana JC telahpun menarikbalik BN bertarikh 1 April 1999. Ini adalah kerana jika tiada apa-apa siasatan dilakukan oleh JC maka tidak mungkin JC akan menarikbalik BN bertarikh 1 April 1999. JC juga tidak menjelaskan kenapa BN bertarikh 1 April 1999 ditarikbalik. Oleh itu mahkamah berpendapat wujudnya satu fraud serta ada pihak ketiga yang telah menandatangani perjanjian tersebut dengan JC.

Sama ada alamat di dalam kad pengenalan JD adalah alamat yang sah

[18] JC mengatakan alamat penyampaian JC adalah alamat yang sah kerana ia adalah alamat terakhir yang diketahui oleh JC seperti di dalam perjanjian jualbeli. Walau bagaimanapun, jika diteliti eksh 'CCS-V, afidavit JC, kad pengenalan dan lesen memandu JD adalah jauh berbeza berbanding eksh 'WKS-4' afidavit JD yang juga melampirkan kad pengenalan dan lesen memandunya. Kad pengenalan serta lesen memandu JD seperti di dalam afidavitnya jelas menunjukkan alamat di Kedah manakala kad pengenalan serta lesen memandu JD di dalam afidavit JC menunjukkan alamat di Kepong.

[19] Memandangkan terdapat alamat yang bercanggah pada kad pengenalan dan lesen memandu yang telah dikeluarkan/issued pada hari yang sama, mahkamah berpendapat wujudnya fraud. Maka dapat diputuskan di sini bahawa alamat penyampaian ganti adalah tidak sah dan segala suratcara dianggap tidak diserahkan.

KESIMPULAN

[20] Setelah merujuk fakta kes, afidavit serta hujahan kedua-dua pihak, mahkamah berpendapat bahawa lampiran (37) iaitu rayuan kepada hakim dalam kamar oleh JD terhadap keputusan penolong kanan pendaftar yang menolak permohonan JD untuk membatalkan dan mengenepikan perintah penerimaan dan perintah penghukuman, adalah dibenarkan dengan kos.

Rayuan pemiutang penghakiman dibenarkan dengan kos.

Reported by Chew Phye Ken